

19 MAY 2002

Mahathir-BN

KOMPONEN BN HARUS JAUHKAN DARI TINDAKAN YANG BOLEH MEROSAKKAN BN

SHAH ALAM, 19 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan parti komponen Barisan Nasional (BN) supaya menjauhkan diri daripada perbuatan atau tindakan yang boleh merosakkan parti mereka dan melemahkan gabungan BN.

Beliau berkata parti-parti komponen hendaklah terus memantapkan kedudukan parti masing-masing dan saling bekerjasama demi BN.

"Dalam usaha melawan parti pembangkang kita tidak boleh lagi menjadi "defensive" (berdiam diri) sebaliknya harus mengambil pendekatan menyerang atau "offensive". Parti lawan melakukan banyak kesalahan dan kesalahan mereka perlu didedahkan sepanjang masa supaya rakyat tahu apakah sebenar parti-parti lawan ini," katanya.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata demikian semasa berucap merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan MIC di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini. Upacara perasmian itu juga dihadiri sebahagian besar pucuk pimpinan parti komponen BN.

Katanya percubaan parti-parti lawan untuk meniru pendekatan BN jelas tidak berjaya kerana barang tiruan tetap tidak berkualiti "tiada kejujuran dalam pakatan jahat mereka."

Dr Mahathir berkata urusan dalaman parti komponen BN adalah tanggungjawab parti masing-masing tetapi atas kesedaran bahawa kelemahan sesuatu parti komponen boleh merosakkan BN, pucuk pimpinan negara terpaksa menegur dan memberi nasihat kepada parti yang bermasalah.

"Kadang-kadang jika diminta, saya sanggup memberi pandangan dan nasihat sama ada pandangan dan nasihat ini diterima atau tidak adalah hak masing-masing parti. Ini adalah cara kita dalam BN dan ianya memberi kekuatan kepada pakatan kita," katanya.

Perdana Menteri berkata masalah dalaman parti-parti konponen BN haruslah diselesaikan dengan sikap tolak ansur di semua lapisan dan pucuk pimpinan parti.

"Sebab itu MIC kini begitu mantap dan boleh menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap usaha membangunkan masyarakat India di negara ini dan tidak perlu membuang masa yang banyak untuk menyelesaikan masalah dalaman parti," katanya.

Beliau berkata sikap (tolak ansur) beginilah perlu ada di kalangan semua parti komponen BN dan masalah dalaman parti, baik yang remeh temeh mahupun yang besar dan serius, hendaklah diselesaikan dengan baik dan bijaksana.

Dr Mahathir berkata masalah dalaman parti BN tidak perlu diperbesar-besarkan sehingga diketahui pihak musuh dan menjadi buah mulut orang ramai yang sudah tentu akan mempunyai pendirian negatif terhadap BN.

"Lebih buruk lagi keadaannya apabila pihak yang bersengketa menggunakan akhbar untuk mendedahkan keburukan masing-masing sehingga parti kelihatan buruk dan busuk di mata orang ramai,"katanya.

Perdana Menteri berkata keadaan sedemikian sudah tentu akan menjejaskan kedudukan, kewibawaan dan maruah BN.

Beliau juga menegaskan bahawa walaupun parti BN mengamalkan demokrasi dalam parti, tetapi sikap suka merebut jawatan tinggi dalam parti setiap kali ada pertandingan atau di masa-masa lain, hanya akan merosakkan parti berkenaan.

"Lebih buruk lagi keadaannya jika pertandingan merebut kedudukan tinggi dalam parti adalah kerana ketamakan kuasa, dendam, kebencian, hasad dengki,

ketaksuban pada seseorang, sikap oportunistik, mementingkan diri sendiri dan politik wang," katanya.

Perdana Menteri berkata perkara sebegini telah pun berlaku ke atas beberapa parti komponen BN termasuk Umno dengan mereka yang tewas keluar parti dan menubuhkan parti sendiri dengan memburuk-burukkan parti asal dan menentang BN pada setiap kali pilihan raya.

"Mereka bukan berjuang untuk menjayakan parti dan matlamatnya, tetapi semata-mata kerana kepentingan diri," katanya beliau.

Satu lagi fenomena buruk yang masih berlaku di kalangan anggota komponen BN ialah sikap suka melompat dari satu ke parti yang lain dan sikap ini bukan sahaja mencemarkan parti tetapi juga kredibiliti dan maruah anggota yang melompat itu, kata Dr Mahathir

"Justeru itu, saya menyeru semua anggota parti komponen BN supaya menjauhkan diri daripada segala perbuatan atau tindakan yang boleh merosakkan parti mereka," katanya.

-- BERNAMA

SR AT RON